

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meminda Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965) supaya Kerajaan Negeri mengiktiraf tanah adat Orang Asli.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN, TIMBALAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan menerusi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) berpandangan bahawa tiada keperluan untuk meminda Kanun Tanah Negara (KTN) kerana seksyen 4 KTN telah memberi kekecualian kepada tanah adat dan perundangan tanah adat akan mengatasi peruntukan KTN.

Seksyen 4 KTN menyatakan :

(1) Tiada apa juar dalam Akta ini boleh menyentuh apa-apa pelaksanaan yang lama, atau apa-apa yang dibuat di bawah, mana-mana undang-undang tanah terdahulu atau setakat mana ia berkait dengan tanah, peruntukan-peruntukan mana-

mana undang-undang yang diluluskan sebelum bermulanya Akta ini:

Dengan syarat bahawa mana-mana hak, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau tanggungan yang wujud pada permulaan akta ini menurut kuasa mana-mana undang-undang sedemikian hendaklah, kecuali sebagaimana peruntukan dengan nyata selepas ini, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) kecuali setakat mana yang diperuntukan dengan nyata sebaliknya, tiada apa juar dalam Akta ini hendaklah menyentuh peruntukan-peruntukan –

- (a) mana-mana undang-undang buat masa ini berkuatkuasa berhubungan dengan pemegangan secara adat;**
- (b) mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa berhubungan dengan rizab Melayu atau pegangan Melayu;**
- (c) mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa berhubungan dengan perlombongan;**
- (d) mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa berhubungan dengan tanah kesultanan;**
- (e) mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa berhubungan dengan wakaf atau bait-ul-mal;**
- (f) Enakmen Penempatan Terengganu, 1356;**
- (g) Ordinan Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan), 1955;**
- (h) Ordinan Penempatan Tanah Kelantan, 1955;**
- (i) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960;**
- (ia) Enakmen Penempatan Tanah Perlis 1966; atau**

(j) mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa berhubungan dengan pengecualian dari pembayaran hasil tanah;

dan, dalam ketiadaan peruntukan nyata sebaliknya, jika mana-mana peruntukan Akta ini tidak konsisten dengan mana-mana peruntukan undang-undang sedemikian, maka peruntukan undang-undang yang kemudian hendaklah mengatasinya, dan peruntukan yang dahulu hendaklah, setakat mana ketidakselarasan itu, terbatal.

Justeru itu, cadangan untuk mengiktiraf tanah adat Orang Asli perlu dinyatakan melalui perundangan lain atau melalui pindaan kepada Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] bagi menetapkan bentuk pengiktirafan yang dikehendaki dan Kerajaan Negeri akan mematuhi perundangan yang ada.

Sekian, terima kasih.